

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ATP 391 - Etika Perniagaan

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan 1 dan Soalan 2 adalah **WAJIB**. Pilih mana-mana **DUA (2)** soalan lain.

Soalan 1 (WAJIB)

Andaikan anda adalah Pengurus Personel di sebuah kilang pembuat tayar kereta di Lembah Kelang. Peristiwa 11 September 2001 di Pusat Dagangan Dunia, New York, Amerika Syarikat telah menyebabkan kelembatan ekonomi di rantau sebelah sana. Ini telah menjadikan ekspot tayar kereta syarikat anda. Pengurus Besar serta Ahli Lembaga Pengarah syarikat anda telah mengambil keputusan untuk mengurangkan kos pengeluaran melalui penempatan semula kilang di Kawasan Perindustrian Semambu, Pahang. Ini telah menimbulkan kegelisahan di kalangan kakitangan syarikat. Mereka telah bertapak di Lembah Kelang dan isteri dan suami mereka bekerja di Jabatan Kerajaan atau Syarikat Swasta yang lain di kawasan yang sama. Tambahan pula ramai yang telah membeli rumah dan anak-anak mereka bersekolah. Menyedari betapa rumitnya persoalan ini, anda merasakan Ahli Lembaga Pengarah terlalu menitiberaatkan persoalan “cost-benefit” tanpa memikirkan persoalan etika yang lain. Bagaimanakah anda akan berhujah dengan Ahli Lembaga Pengarah supaya menimbangkan semula keputusan ini? Sokong jawapan anda dengan berasaskan teori “deontological” dan “theological”.

[30 markah]

Soalan 2 (WAJIB)

Berdasarkan Prinsip Keadilan Rawl, adakah Sistem Kapitalist itu boleh dijustifikasi atau sebaliknya lebih relevan di dalam konteks sistem sosialist? Bincangkan. Bagi setiap penghujahan gunakan Prinsip-Prinsip Rawl.

[30 markah]

Soalan 3

John R. Boatright, dalam bukunya, “Ethics and Conduct of Business,’ telah menengahkan konsep “Whistle-Blowing”. Definisikan dan kenalpastikan fakta-fakta utama di dalam definisi ini. Juga bincangkan persoalan-persoalan utama yang perlu diberikan perhatian sebelum tindakan “Whistle Blowing” itu diambil.

[20 markah]

Soalan 4

Iklan adalah membazir dan tidak menyumbang kepada kualiti produk. Adakah penyataan ini benar? Bincangkan.

[20 markah]

Soalan 5

Adam Smith telah mengemukakan konsep “Invisible Hand”. Apakah pandangannya terhadap konsep ini dan bagaimanakah beliau menjustifikasikan konsep ini di dalam pasaran bebas? Huraikan.

[20 markah]

- 000 O 000 -